

Budaya penyelenggaraan perlu dihayati

Pengurusan sekolah abai jaga peralatan ICT mendukacitakan

Pendedahan eksklusif akhbar ini mengenai peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sekolah yang terabai akibat kurang penyelenggaraan dan kelemahan pentadbiran cukup mengejutkan khlayak. Dilaporkan kira-kira 25 hingga 50 peratus daripada peralatan bernilai lebih RM500 juta untuk projek Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di antara 2003 dan 2008 tidak dapat digunakan lagi. Malah lebih mengejutkan apabila ada di antara peralatan berkenaan hanya berjangka hayat selama dua tahun yang mana selepas hanya dua tahun digunakan, 22,145 daripada 109,226 komputer dan 35,332 daripada 122,641 komputer riba tidak berfungsi. Itu belum lagi statistik membabitkan peralatan lain seperti projektor paparan cecair kristal (LCD), pencetak serta komputer pelayan yang turut mengalami nasib sama.

Pendedahan ini menimbulkan persoalan apakah segala inisiatif yang diambil selama ini melalui program PPSMI bakal menjadi gajah putih? Ternyata pendedahan ini menunjukkan dan sekali lagi membuktikan bahawa kelemahan dan kelalaian manusia terus menyumbang kepada keadaan yang merugikan seperti ini. Apakah kita lupa bahawa segala peralatan ini membabitkan kos perbelanjaan wang rakyat yang cukup banyak. Kenapa kita tidak menghargai infrastruktur yang disediakan kerajaan untuk kegunaan dan kemudahan pelajar dengan sebaik mungkin.

Perlu siasat pendedahan

Kita berharap pihak Kementerian Pelajaran Malaysia akan menyiasat sepenuhnya pendedahan ini serta mengenal pasti apa punya yang membawa kepada keadaan ini berlaku. Andai masih sempat menyelamatkan peralatan itu dengan segera dengan memperbaikinya dan salurkan kepada sekolah lain terutama di luar bandar yang begitu dahagakan peralatan ICT untuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang asas.

Walau apapun alasannya kelak, pendedahan ini menunjukkan bahawa budaya penyelenggaraan dalam kalangan jabatan kerajaan masih lemah dan perlu di atasi dengan segera. Ini kerana pendedahan seperti ini bukanlah kali pertama kita dengar di mana saban tahun laporan Ketua Audit Negara juga tidak pernah terlepas daripada melaporkan dan mendedahkan kelemahan penjagaan dan penyelenggaraan aset kerajaan di pelbagai agensi kerajaan. Ternyata masih ada ja-

batan kerajaan yang gagal untuk mengambil iktibar dan pengajaran dari pendedahan laporan audit terbabit.

Dalam hal ini kita berharap agar ketua jabatan akan memberi perhatian yang khusus dalam aspek penjagaan dan penyelenggaraan semua aset kerajaan sama seperti menjaga dan menyelenggara peralatan milik sendiri yang dibeli menggunakan wang poket masing-masing. Janganlah kerana disebabkan pembelian peralatan ini tidak membabitkan duit sendiri dan datangnya dari pihak kerajaan maka kita sewenang-sewenangnya mengabaikan tanggungjawab kita untuk menjaganya ataupun dalam lain perkataan kita mengambil sikap acuh tak acuh.

Jadual selenggara komprehensif

Hakikatnya ialah setiap peralatan yang kita guna pakai andai dijaga dan diselenggara dengan baik secara berkala maka jangka hayatnya pasti bertahan lama dan tidak perlu membeli peralatan yang baru dengan kerap. Untuk itu, jabatan kerajaan perlu ada pelan dan jadual penyelenggaraan yang komprehensif dan menyeluruh supaya penyelenggaraan dapat dilakukan secara berkala. Dalam hal ini pematuhan kepada jadual yang telah dibayangkan itu juga cukup penting, janganlah hanya ada jadual tetapi pelaksanaannya masih lemah.

Jabatan kerajaan juga perlu elak budaya seperti masyarakat kita menyambut Hari Raya di mana setiap tahun hendak menukar langsir mahupun perabot walaupun masih elok ataupun hanya mengalami kerosakan yang kecil. Jika kita mantapkan aspek penyelenggaraan pasti budaya pembelian peralatan yang sama tidak akan berulang setiap tahun, sekali gus dapat mengurangkan dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Dalam memastikan perkara ini tidak berleluasa diharap semua ketua jabatan akan mematuhi saranan Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini yang meminta agar semua ketua jabatan turun padang melihat apa yang berlaku di jabatan masing-masing.

Jika ini dapat dilaksanakan kita yakin kelemahan seperti ini dapat diatasi dengan segera. Dalam pada itu semua penjawat awam terutama yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan menyelenggara aset kerajaan diharap dapat melaksanakan tugas masing-masing sebaik yang mungkin agar perkara seperti ini tidak berulang.

“
Kenapa kita tidak menghargai infrastruktur yang disediakan kerajaan untuk kegunaan dan kemudahan pelajar sebaik mungkin”



Penulis

Ketua Bahagian Perancangan Korporat,
Universiti Putra Malaysia